

BANTUAN KECEMASAN (ONE-OFF)

OBJEKTIF

Membantu untuk meringankan beban kewangan para Asnaf dengan menyediakan wang pendahuluan atau bahan asas makanan, sementara mendapat bantuan lain (i.e. Kematian atau kecacatan kekal) ahli keluarga yang menjadi sumber pendapatan utama.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak atau warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Keutamaan kepada pemohon yang terjejas punca pendapatan khususnya pada golongan Asnaf Fakir dan Miskin. Dalam keadaan tertentu, hasil siasatan pegawai Tabung Baitulmal Sarawak melalui media massa atau petikan akhbar adalah memadai untuk disiasat sebelum memberi bantuan.
3. Permohonan dan dokumen yang dikembalikan untuk diproses melebihi daripada 30 hari (termasuk cuti Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dari tarikh permohonan berkenaan tidak akan dilayan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Gambar hasil siasatan (Gambar depan rumah, bersama pemohon dan tanggungan, dapur dan ruang tamu rumah).
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.